

**Menang Tanpa Bertanding Lambang Kematangan Anggota Umno - Najib
Bernama
21 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata hakikat beliau tidak dicabar, sekali gus mengekalkan jawatan presiden Umno tanpa bertanding, menjadi lambang kematangan anggota Umno.

Perdana menteri berkata ia lebih signifikan memandangkan perlembagaan parti telah dipinda untuk memudahkan sesiapa sahaja mencabar jawatan tertinggi parti.

Selain beliau, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menang jawatan timbalan presiden Umno tanpa bertanding seperti yang diumumkan di akhir proses penghantaran borang pencalonan bagi pemilihan Umno bulan depan, di sini Sabtu.

"Alhamdulillah saya dan Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mendapat sokongan padu daripada anggota Umno sehingga tidak dicabar dan telah menang tanpa bertanding," kata Najib melalui laman sosial Facebooknya.

Najib berkata beliau turut bersyukur kerana anggota Umno telah menunjukkan sikap bertanggungjawab dengan meletakkan kedua-dua jawatan tertinggi ini sebagai tonggak parti.

"Sokongan padu anggota Umno dari setiap peringkat akan memastikan parti Umno kekal relevan," Kata Najib.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan semua calon supaya bertanding secara telus dan sentiasa menghormati persaingan serta perlembagaan parti.

"Bersama, kita boleh kekalkan kesinambungan legasi perjuangan Umno," kata perdana menteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979537>